

18 APR 2002

MAHATHIR-PELANCONGAN/I

DR MAHATHIR CADANGKAN PERKONGSIAN KOD BAGI TINGKATKAN PELANCONGAN

MALAYSIA-MAGHRIBI

Oleh: Mohd Arshi Daud/Khaidzir Md Yunus

CASABLANCA, 18 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mencadangkan perjanjian perkongsian kod antara syarikat-syarikat penerbangan kebangsaan Malaysia dan Maghribi bagi menggalakkan lagi pergerakan pelancong ke dalam kedua-dua buah negara.

"Kita patut fikir mengenai kerjasama antara Penerbangan Malaysia dan Royal Air of Morocco," kata beliau pada sesi dialog dengan masyarakat perniagaan Maghribi pada hari Rabu.

Memandangkan kedua-dua Penerbangan Malaysia dan Royal Air of Morocco mempunyai perkhidmatan penerbangan ke Dubai, perdana menteri berkata dengan adanya perjanjian kod ini, ia akan membolehkan mereka meningkatkan lagi jumlah pelancong menggunakan perkhidmatan penerbangan dari rantau Asia Tenggara dan Asia Timur ke Maghribi dan dari Afrika ke Malaysia.

Apabila ditanya apakah yang boleh dipelajari oleh Maghribi dari Malaysia dari segi pemasaran industri pelancongannya, Dr Mahathir mendedahkan ekoran usaha gigih mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan, Malaysia telah berjaya menyaksikan lonjakan jumlah ketibaan pelancong kepada 12.8 juta tahun lepas berbanding hanya dua juta dalam tahun 1990.

Beliau menjelaskan sebelum langkah mempromosikan pelancongan negara dilaksanakan, Malaysia terjejas oleh masalah imej di mana kebanyakan orang dengan mudahnya mengenal pasti negara-negara lain tetapi tidak Malaysia.

"Ada yang mengatakan ia (Malaysia) terletak berdekatan Himalaya, ada yang kata terletak di Afrika kerana Malawi terletak di sana, ada pula yang mengatakan di China dan ada pula yang kata berdekatan Singapura. Yang sebenarnya, Singapura yang terletak berdekatan dengan Malaysia," kata beliau.

Dr Mahathir berkata antara usaha-usaha promosi termasuklah menganjurkan acara sukan antarabangsa terkemuka seperti Grand Prix Formula 1 dan lumba basikal Tour de Langkawi yang telah disaksikan oleh jutaan penonton dunia menerusi siaran televisyen.

Mengenai kemungkinan kerjasama dalam industri perkapalan kedua-dua buah negara, beliau berkata, "Saya percaya MISC (Malaysian International Shipping Corporation Bhd), yang dimiliki oleh Petronas (syarikat minyak nasional), sedang mengadakan perbincangan dengan sebuah syarikat Maghribi yang beroperasi di luar Bahrain. Tetapi, Petronas juga boleh bekerjasama dengan syarikat perkapalan Maghribi yang lain."

Dr Mahathir kemudiannya mengadakan lawatan ke kilang pengeluaran Somaca, Kilang Pemasangan Kereta Nasional Maghribi, diikuti dengan lawatan ke Technopark, Pusat Kraftangan dan Bazar Casablanca. -- BERNAMA

MAD/KHY SHY AA